

**JADUAL TAWARAN SEBUTHARGA**

**PERKHIDMATAN MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK ISLAM DI MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH BAGI BULAN RAMADHAN 1435H-2014M – BERBUKA PUASA**

**Nama Syarikat** : \_\_\_\_\_

**Alamat** : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

**No. Tel. Pejabat** : \_\_\_\_\_ **Bimbit** : \_\_\_\_\_

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KUANTITI</b>	<b>HARI</b>	<b>KADAR HARGA (RM)</b>
1.	BERBUKA PUASA	750	10	
<b>JUMLAH</b>				

Jumlah Ringgit Malaysia

\_\_\_\_\_

.....  
(Tandatangan Penyebutharga)

.....  
(Tandatangan Saksi)

.....  
(Nama Penuh Penyebutharga)

.....  
(Nama Penuh Saksi)



Cop Syarikat & Tarikh



**MENU BERBUKA PUASA**  
**BULAN RAMADHAN 1435 H / 2014 M**  
**MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH**

HARI / MASA	BERBUKA ( Bungkus & Hidang ) Siap pada pukul 6.00 ptg
ISNIN	Nasi Putih, Ayam masak lemak cili api, Daging lembu masak kicap, Sayur campur (kobis, lobak, jagung muda dan bunga kobis) dan telur masin separuh. 3 biji tamar, Kuih Karipap, 2 potong buah, nescafe 'O' panas dan air mineral botol (500ml)
SELASA	Nasi Ayam 3 biji tamar, Karipap & Apam, 2 potong buah, teh 'O' panas dan air mineral botol (500ml)
RABU	Nasi Putih, Ayam lada hitam, Daging Masak lemak cili api, Kacang panjang tumis, telur masin separuh dan sambal belacan 3 biji tamar, Kuih Seri Muka, 2 potong buah, teh 'O' panas dan air mineral botol (500ml)
KHAMIS	Nasi Putih, Ayam masak rendang, Paru masak sambal, Sup Labu Air, ½ telur masin dan sambal belacan. 3 biji tamar, Kuih seri muka, 2 potong buah, teh 'O' panas dan air mineral botol (500ml)
JUMAAT	Nasi Tomato, Ayam masak merah, dalca, acar (timun, nanas, bawang dan cili), 3 biji tamar, Kuih cara berlauk & Bingka ubi, 2 potong buah, nescafe 'O' panas dan air mineral botol (500ml)
SABTU	Nasi Putih, Ayam masak kari, Hati lembu masak lada hitam, Sayur campur( Kobis, lobak, jagung muda dan bunga kubis), ½ telur masin dan sambal. 3 biji tamar, Kuih Apam, 2 potong buah, teh 'O' panas dan air mineral botol (500ml)
AHAD	Nasi Putih, Ayam masak kurma, Daging lembu masak kari, tumis tempe dan sayur, ikan masin bulu ayam dan sambal belacan 3 biji tamar, Kuih Rengas (kacang), 2 potong buah, Kopi 'O' panas dan air mineral botol (500ml)

## **PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT MEMBEKAL BERBUKA PUASA**

- a. Nasi, lauk , sayur, telur masin, ikan kering dan sambal belacan hendaklah dimasukkan dalam bekas pembungkus nasi yang diperbuat daripada bahan plastik
- b. Lauk yang berkuah dan sayur hendaklah dibungkus dalam plastik pembungkus.
- c. Menu yang mempunyai lauk ayam hendaklah dipotong 12 bahagian bagi seekor ayam.
- d. Ikan, daging dan ayam hendaklah halal, bersih dan segar serta berat sesudah dimasak +100 gram bagi setiap orang.
- e. Air minuman hendaklah menggunakan air masak untuk membancuh sirap, oren, teh atau sebagainya.
- f. 3 biji tamar, kuih, 2 potong buah, minuman panas dan air mineral hendaklah dihidangkan pada setiap hidangan untuk 4 orang
- g. Nasi bungkus hendaklah diletakkan di setiap hidangan untuk 4 orang
- h. Hidangan hendaklah diletakkan di atas tikar yang telah disediakan
- i. Hidangan untuk 20 orang hendaklah disediakan secara hidang di Bilik VVIP dengan dua orang pelayan.
- j. Pemeriksaan akan dilakukan oleh petugas khas yang dilantik pada setiap hari berdasarkan jumlah tempahan dan mutu makanan sebelum dihidangkan
- k. Kuantiti makanan akan dimaklumkan oleh pihak pentadbiran masjid setiap hari.
- l. 2 orang pembekal akan membekal setiap hari untuk 10 hari sahaja
- m. Jumlah tempahan setiap hari adalah 1500 unit. ( bergantung kepada tempahan )
- n. Pembekal tidak dibenarkan mengedar makanan kepada orang ramai kecuali mendapat kebenaran daripada petugas yang dilantik
- o. Semua makanan hendaklah sampai selewat-lewatnya jam 5.00 petang untuk diperiksa oleh Petugas Masjid bagi memastikan kuantiti dan kualiti yang dibekalkan oleh pembekal menepati syarat-syarat yang ditetapkan.
- p. Makanan hendaklah siap dihidangkan pukul 6.00 ptg setiap hari
- q. Pembekal dikehendaki menyediakan pekerja yang mencukupi untuk menghidangkan makanan dan membersihkan kawasan jamuan.
- r. Pekerja-pekerja syarikat pembekal hendaklah memakai pakaian seragam syarikat, bersih, kemas dan bersongkok bagi lelaki dan bagi perempuan adalah berpakaian menutup aurat dan tidak mencolok mata.
- s. Pekerja-pekerja syarikat dikehendaki menjaga kebersihan diri seperti tidak berkuku panjang serta tidak memakai “bangle”.
- t. Pembekal hendaklah mengutip dan membuang semua sampah pada setiap hari.
- u. Pembekal hendaklah menyediakan penyapu, penyodok sampah, troli, mop dan beg sampah plastik yang secukupnya.
- v. Pembekal juga bertanggungjawab membersihkan sisa-sisa makanan, tumpahan kuah berminyak/air minuman di mana penyediaan diadakan.
- w. Pembekal dikehendaki bersiap sedia ketika lawatan mengejut yang akan diadakan di tempat penyediaan makanan/dapur syarikat.
- x. Semua arahan Petugas Masjid hendaklah dipatuhi oleh Pembekal yang dilantik

